



**KERTAS MAKLUMAN
THE GENERATION TVET DIGITAL
PHOTOGRAPHY COMPETITION 2016
(TENTATIF)**



Pengenalan

Pertandingan ini di adakan untuk memberi inspirasi kepada orang ramai mengenai maksud dan peranan TVET (Technical Vocational Education Training) dalam pembangunan negara bangsa.

Objektif

1. Memperkenalkan dan mempromosikan TVET kepada orang ramai.
2. Mengeratkan perhubungan institusi TVET dengan industri.
3. Mewujudkan stok foto TVET bagi kegunaan ePembelajaran TVET.

Tarikh:

Pendaftaran : 1 - 29 Jun 2016

(Tatacara pendaftaran akan di maklumkan kemudian melalui laman sesawang Celtpoliteknik.org mulai 1 Mei 2016)

Tarikh Penghantaran : 1 Julai - 29 Julai 2016

Penjurian: 22 - 26 Ogos 2016

Keputusan:

Akan di maklumkan sebelum/pada eDOLA2016 (CIDOS Inspiring Learning Awards2016 – 28/9/16)

Terma dan Syarat Pertandingan

1. Pertandingan ini adalah terbuka secara percuma kepada semua warga kerja dan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Tema bagi pertandingan ini adalah “**TVET BUILDS THE NATION**”
3. Pertandingan diadakan **secara berpakej** dimana setiap penyertaan diwajibkan menghantar satu keping gambar untuk setiap kategori (lihat bahagian Kategori Pertandingan di bawah). Penyertaan akan terbatal sekiranya tidak menghantar gambar salah satu kategori yang dipertandingkan.
4. Setiap politeknik perlu menghantar minimum tiga (3) penyertaan dan maksimum lima (5) penyertaan manakala setiap kolej komuniti boleh menghantar maksimum tiga (3) penyertaan sahaja. Setiap penyertaan tidak boleh melebihi 3 orang ahli.
5. Semua gambar haruslah di cetak di atas kertas berkualiti (*photo paper*) dan bersaiz besar dalam format JPEG. Kualiti gambar sekurang-kurangnya 8MB & 300 dpi. **Peserta Wajib** menghantar salinan soft copy dalam bentuk CD dan diserahkan bersama gambar bersaiz 11R dan dibingkaikan menggunakan teknik “window mounting” menggunakan mounting board hitam dengan sempadannya berukuran 5cm (atas) x 5cm (kiri dan kanan) x 7cm (bawah) kepada pihak penganjur.
6. Setiap gambar yang dihantar wajib disertakan maklumat seperti nama, tajuk, huraian berkaitan gambar, kategori, saiz, kualiti, tarikh dan lokasi gambar diambil. Maklumat ini hendaklah dilekatkan di belakang gambar sebelah penjuru kanan atas gambar tersebut.


Nama:

Kategori:

Huraian berkaitan gambar:

Tarikh:

Lokasi:





7. Peserta wajib menggunakan Digital Single Lens Reflex (DSLR).
8. Gambar foto mestilah karya asli. Suntingan samada secara manual atau elektronik adalah tidak dibenarkan. Gambar mestilah terkini, dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan.
9. Karya yang diciplak samada sebahagian atau sepenuhnya dari mana-mana sumber secara elektronik atau cetak akan dibatalkan.

10. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap terhadap tindakan yang mungkin diambil oleh mana-mana pihak terhadap karya yang diciplak.
11. Tempoh masa pertandingan adalah bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 29 Julai 2016. **Peserta hendaklah mengambil gambar dalam tempoh masa ini.**
12. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 29 Julai 2016 dan penyertaan hendaklah sampai kepada urusetia pada atau sebelum jam 4.30 petang. Penyertaan yang dihantar melebihi pada tarikh tutup tidak akan dilayan.
13. Gambar yang dihantar akan menjadi hak milik CeLT dan jabatan berhak menggunakan gambar-gambar ini bagi sebarang tujuan.
14. Gambar pertandingan ini akan dinilai berdasarkan pematuhan kepada tema, kreativiti dan aplikasi teknik fotografi yang terbaik.
15. Hadiah tidak akan dianugerahkan jika pihak juri mendapati karya tidak mencapai tahap kualiti yang dikehendaki.
16. Segala kos yang terlibat dalam proses pengambilan gambar adalah di bawah tanggungan peserta.
17. Setiap penyertaan akan dinilai oleh panel juri profesional bebas yang dilantik oleh pihak penganjur.
18. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya karya yang dihantar tidak sampai, hilang atau rosak semasa penghantaran.
19. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan dan kerugian.
20. Keputusan pengadil bagi pertandingan ini adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
21. Pemberian hadiah adalah seperti berikut.
 - i. Hadiah & Sijil tempat pertama (setiap kategori)
 - ii. Sijil tempat kedua (setiap kategori)
 - iii. Sijil tempat ketiga (setiap kategori)

Kategori Pertandingan

Pertandingan ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu:

a. TOOLS OF THE TRADE:

Foto dan peralatan yang digunakan oleh TVET. Imej peralatan sahaja, sebagai contoh –



b. TVET INDUSTRIAL MENTORS:

Foto pelajar atau pensyarah bersama dengan wakil industri. Suasana foto mesti di dalam ruang kerja, sebagai contoh -



c. I AM TVET:

Foto pelajar beraksi dalam situasi Pembelajaran TVET, seperti di Makmal, Bengkel, Studio, atau lain-lain suasana yang sesuai dengan program, , sebagai contoh -



d. LITTLE TVET:

Foto kanak-kanak berumur antara 5-10 tahun beraksi menggunakan peralatan TVET, sebagai contoh –





Kriteria penilaian:

Semua karya akan dinilai berdasarkan keaslian, konsep, idea yang menepati masa, estetika, komposisi dan memaparkan penzahiran konsep dan idea inovasi dalam penciptaan yang dihasilkan oleh manusia serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Penzahiran maksud “ TVET BUILDS THE NATION“ yang paling kreatif dan menonjolkan elemen “TVET mampu memberi kesan kepada pembinaan negara yang holistik“ di dalam subjek bersama-sama teknik penggambaran yang paling unik dan menarik, beserta penerangan melalui tajuk dan butiran gambaran paling profesional akan diambil kira sebagai pemenang.

Alamat Surat Menyurat & Pertanyaan:

Semua karya hendaklah dihantar ke alamat:

**Urusetia Pertandingan TVET Digital Photography Competition 2016,
Politeknik Seberang Perai,
Jalan Permatang Pauh,
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang.**

Sebarang pertanyaan adalah melalui email:

Gentvetphotography2016@gmail.com

- I. Cik Norisniyati bt Abdul Hamid (011-32216578)**
- II. Encik Kamil Bin Sahidin (019-5586050)**
- III. Puan Sarifah Nor Husna bt Syed Alias (014-7413212)**
- IV. Puan Siti Nazurah bt Hashim (019-6960933)**